

BERITA HARIAN

DATE: 6/11/2009

EH - 6/11/09

Dr M dianugerah Tokoh Takaful

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan Tokoh Takaful pada Majlis Makan malam pertama Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan malam Penganugerahan 2009 sebagai pengiktirafan sumbangan cemerlangnya kepada industri takaful.

Mahathir memainkan peranan utama memastikan industri takaful menerima sokongan kukuh dari kerajaan dan sokongan ini kekal sehingga hari ini, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, ketika berucap pada majlis itu.

"Kita banyak terhutang budi kepada Tun Mahathir kerana sejak Oktober 1982, kurang setahun selepas memegang jawatan sebagai Perdana Menteri keempat, satu pasukan petugas dibentuk untuk meneroka daya maju syarikat insurans Islam di Malaysia," katanya.

Mahathir memberikan amanah itu kepada Industri Kewangan Islam Malaysia, kata Pengerusi MTA, Datuk Syed Moheeb Syed Kamarul-zaman.

Katanya, Mahathir juga seorang individu dan pakar stra-



Dr Mahathir Mohamad

tegi yang mempunyai pelbagai kemahiran tersendiri, yang menjadikannya calon terbaik menerima anugerah itu.

Beliau berkata, pengendali takaful mempunyai peranan penting untuk menggalakkan inovasi, melengkapi strategi perniagaan masing-masing dengan penyelidikan dan pembangunan bagi mereka bentuk produk dan perkhidmatan berinovasi yang baharu.

Industri takaful menyaksikan kan satu maklum balas dan keyakinan positif berdasar-kan pertumbuhan di dalam satu dekad yang lepas kerana rakyat Malaysia menerima takaful atau insurans Islam. - Bernama